

Pusat tahfiz sudah ambil tindakan

Asrama penginapan di tingkat atas sudah dipindahkan seperti yang diarahkan sebelum ini

SARINAH MAT KASIM

SEREMBAN – Sebuah pusat tahfiz terkenal di sekitar Seremban yang diberi amaran untuk menutup asrama penginapannya sebelum ini sudah mengambil tindakan berpindah ke tingkat bawah.

Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat negeri, Norazam Khamis berkata, pemeriksaan buat kali kedua sudah dilakukan bagi memastikan pihak pengurusan maahad tahfiz itu mengambil tindakan terhadap teguran diberikan.

Katanya, hasil pemeriksaan semalam mendapati pihak pengurusan menempatkan asrama penginapannya di bahagian bawah, seperti yang diarahkan.

"Sebelum ini asrama penginapan mereka terletak di tingkat dua dan tiga, dan

INFO • Notis teguran akan dikeluarkan kerana beberapa kesalahan yang dibuat

kami telah mengarahkan supaya bilik asrama itu dipindahkan ke tingkat paling bawah berikutan tiada laluan kedua dan pintu kecemasan di tingkat atas.

"Teguran yang dibuat sebelum itu telah pun diambil tindakan dan mereka telah membuat tindakan segera dengan memindahkan asrama penginapan ke tingkat bawah.

"Buat sementara ini, pelajar di situ telah diberi cuti selama empat hari sehingga kerja-kerja pemindahan tersebut selesai," katanya kepada *Sinar Harian* semalam.

Tambahnya, walaupun teguran awal telah pun diambil tindakan segera oleh pihak pengurusan, namun notis teguran tetap dikeluarkan dalam tempoh masa terdekat ini, memandangkan terdapat beberapa kesalahan turut dikenal pasti.

Katanya, perkara utama yang mereka perlu lakukan adalah menyerahkan pelan pembangunan semula bangunan tersebut untuk tujuan penelitian.

"Rumah kedai tidak sesuai dijadikan asrama penginapan, jadi kita mahu melihat sejauh mana perubahan yang dilakukan oleh pihak pengurusan dalam memastikan ciri-ciri keselamatan penghuni terjamin.

"Oleh yang demikian, kita berharap akan ada lagi perubahan yang dilakukan oleh pihak pengurusan maahad

Oleh yang demikian, kita berharap akan ada lagi perubahan yang dilakukan oleh pihak pengurusan maahad tahfiz ini demi kepentingan bersama,"

- Norazam

tahfiz ini demi kepentingan bersama," katanya.

Sabtu lalu, Jabatan Bomba dan Penyelamat negeri membuat pemeriksaan mengejut di salah sebuah maahad tahfiz di sekitar Seremban dan meminta asrama penginapannya ditutup kerana



Laporan akhbar *Sinar Harian*, Sabtu lalu.

tidak memenuhi aspek keselamatan yang digariskan oleh pihaknya.

Sehubungan itu, pihaknya juga akan memanggil 31 pengusaha pusat tahfiz yang beroperasi di seluruh negeri ini untuk memberi taklimat dan penerangan mengenai keselamatan yang perlu di-

patuhi di kawasan mereka.

Pemeriksaan tersebut dilakukan rentetan kejadian yang berlaku di Pusat Tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah Jalan Keramat Ujung, Kuala Lumpur, sehingga mengorbankan 23 pelajar termasuk pengajar dan warden.